U 0424 DAN

MAHATHIR - DEB

(EMBARGO) UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI) @@@@

PETALING JAYA, 18 DIS (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENUBUHKAN SEBUAH MAJLIS PERUNDINGAN UNTUK MEMBANTUNYA MEMBENTUK DASAR EKONOMI NEGARA APABILA TAMATNYA TEMPOH DASAR EKONOMI BARU (DEB) PADA TAHUN 1990, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN MALAM INI.

MAJLIS ITU YANG AKAN DIKENALI SEBAGAI +MAJLIS PERUNDINGAN EKONOMI NEGARA SELEPAS 1990+ AKAN DIANGGOTAI MASING-MASING 50-PERATUS OLEH BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA SUPAYA TIDAK TIMBUL TUDUHAN BAHAWA KERAJAAN BERAT SEBELAH, KATA PERDANA MENTERI PADA JAMUAN MAKAN MALAM PERSATUAN PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK DI HOTEL SUBANG MERLIN DEKAT SINI.

+KEDUA-DUA PIHAK INI AKAN DIWAKILI OLEH TOKOH-TOKOH DARIPADA PARTI-PARTI POLITIK DALAM KERAJAAN DAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG,+ KATANYA.

KUMPULAN-KUMPULAN PENDESAK BEBAS YANG SELALU TIDAK PERNAH BERPUAS HATI DENGAN DEB JUGA AKAN DIBERI PELUANG MENYERTAI MAJLIS ITU, TAMBAH BELIAU.

MENURUTNYA MAJLIS ITU AKAN MENGKAJI PENCAPAIAN DEB DAN KEGAGALANNYA SERTA MEMBENTUK DASAR DAN PROGRAM YANG DIPERSETUJUINYA SEBAGAI DASAR EKONOMI NEGARA SELEPAS 1990. -- LAGI

1952MST 18 12 88

U 8430 BAH
MAHATHIR - DEB 2 PETALING JAYA (EMBARGO)

+SAMA ADA MAJLIS AKAN BERPEGANG KEPADA KEPUTUSAN MAJORITI ATAU SEBULAT SUARA, BOLEHLAH DITENTUKAN OLEH MAJLIS ITU SENDIRI,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BERJANJI AKAN MELAKSANAKAN DASAR YANG DIPERSETUJUI OLEH MAJLIS PERUNDINGAN ITU SEBAGAI ASAS DASAR EKONOMI NEGARA SELEPAS 1990.

+KERAJAAN AKAN MEMBANTU DENGAN MENYEDIAKAN SEBUAH URUSETIA DAN MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN,+ KATANYA.

+SUSUNAN KERJA, TERMASUK PERLANTIKAN PENGERUSI DAN LAIN-LAIN BOLEHLAH DITENTUKAN OLEH MAJLIS (ITU) SENDIRI,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA ADA PIHAK YANG MENIMBULKAN IRIHATI DAN KEBENCIAN BUMIPUTERA SENDIRI TERHADAP MEREKA YANG BERJAYA SEHINGGA MEREKA TURUT MENGECAM DEB SEBAGAI MENGUNTUNGKAN HANYA SEGELINTIR KAUM ITU SAHAJA.

+YANG SEDIHNYA IALAH BUMIPUTERA YANG MENGECAM DEB INI ADALAH ANTARA BUMIPUTERA YANG MENDAPAT NIKMAT DARIPADA DEB, WALAUPUN TIDAK DALAM BENTUK KEKAYAAN YANG BERLEBIHAN.+

KATANYA, MEREKA INI MENDAPAT PELUANG BELAJAR SEHINGGA BERJAYA MENDAPAT JAWATAN-JAWATAN YANG TERTINGGI DENGAN GAJI YANG BAIK KERANA DEB TETAPI, TAMBAHNYA +MEREKA LUPA DAN BERSAMA-SAMA DENGAN PIHAK LAIN MENGECAM DEB SEBAGAI TIDAK ADIL DAN HANYA MENGUNTUNGKAN BEBERAPA ORANG BUMIPUTERA SAHAJA+. -- LAGI

1938MST 18 12 88

U 8434 BAH
MAHATHIR - DEB 3 PETALING JAYA (EMBARGO)

MENGENAI PEMBANGUNAN NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA IA TIDAK BERGANTUNG KEPADA SESUATU PERKARA ATAU SESUATU PIHAK SAHAJA.

+SEMUA PIHAK ADALAH TERLIBAT DENGAN MASING-MASING MEMAINKAN PERANAN MEREKA DAN MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN CEKAP DAN BERKESAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA JIKA HANYA PENTADBIR SAHAJA CEKAP DAN CERGAS, TETAPI PIHAK SWASTA TIDAK CEKAP DAN BERKESAN, KEMAJUAN TIDAK AKAN DICAPAI.

DEMIKIAN JUGA JIKA PENTADBIR KERAJAAN DAN SWASTA CEKAP DAN CERGAS TETAPIPEKERJA TIDAK MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN BAIK, KEMAJUAN JUGA TIDAK BOLEH DICAPAI, KATANYA.

UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN, SEMUA PIHAK PERLU MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING DENGAN CEKAP, SERENTAK DAN SEMUA KEGIATAN DISELERASKAN.

+KITA TIDAK HARUS MENUNGGU PIHAK LAIN SEMPURNA SEBELUM KITA BERUSAHA. KITA PERLU BERUSAHA AWAL-AWAL LAGI KERANA INI AKAN MEMBERI TELADAN YANG BAIK KEPADA PIHAK LAIN,+ KATA BELIAU.

+SEBENARNYA ANGGOTA PENTADBIRAN ADALAH 'PACE-SETTER' DAN TELADAN KEPADA PIHAK LAIN,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA

2024MST 18 12 88